

Kuala Lumpur

Hanya 30 peniaga yang menyelesaikan bayaran lesen untuk menjalankan perniagaan di Bazar Aidilfitri Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR).

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam maklum balas kepada Harian Metro berkata, pihaknya menawarkan sebanyak 150 petak perniagaan di kawasan berkenaan.

"Bazar ini beroperasi dari jam 10 pagi hingga 12 tengah malam dengan saiz kanopi 2.4 meter x 2.4 meter yang dikhaskan untuk jualan barangan kering seperti pakaian, serunding dan kuih raya.

"Jumlah bayaran lesen yang dikenakan kepada penjaja di bazar ini adalah sebanyak RM2,700 sebulan yang merangkumi caj fi lesen, caj perkhidmatan, sewa tapak, deposit atau cagaran serta kos pembukaan akaun di Bank Muamalat.

"Walau bagaimanapun, hanya 30 peniaga yang menyelesaikan bayaran lesen untuk menjalankan perniagaan di lokasi berkenaan," katanya.

Sementara itu, DBKL juga ingin menjelaskan bahawa berhampiran dengan Bazar Aidilfitri Chow Kit, terdapat Bazar Malam Jalan Haji Taib yang diuruskan oleh Persatuan Penjaja Tiong Nam Kuala Lumpur.

"Bazar ini beroperasi dari jam 4 petang hingga 12 tengah malam dengan saiz kanopi yang sama dan jenis jualan barangan kering.

"Berbeza dengan ba-



BAZAR Aidilfitri Chow Kit dikhaskan untuk jualan barangan kering.

Hanya 30 bayar lesen!

DBKL tawar 150 petak perniagaan kepada peniaga di Bazar Aidilfitri Chow Kit, Jalan TAR

zar yang dikendalikan oleh DBKL, lesen bagi penjaja di bazar ini adalah di bawah kategori lesen Penjaja Statistik (Gerai Tepi Jalan) dengan jumlah bayaran RM126 setahun.

"Salah satu syarat lesen bagi Bazar Malam Jalan Haji Taib adalah peniaga tidak dibenarkan meninggalkan barangan perniagaan di lokasi selepas waktu operasi tamat.

"Oleh itu, pihak persatuan perlu memastikan setiap penjaja membawa keluar bara-

ngan atau peralatan perniagaan mereka selepas masa perniagaan berakhir," katanya.

Menurutnya, DBKL juga mengambil maklum bahawa Persatuan Penjaja Tiong Nam sudah mengemukakan permohonan untuk melanjutkan waktu perniagaan Bazar Malam Jalan Haji Taib daripada 4 petang hingga 12 tengah malam kepada 10 pagi hingga 4 pagi.

"Namun, selepas penelitian dilakukan, DBKL memutuskan tidak meluluskan permohonan berkenaan kerana bazar ini terletak di atas jalan utama yang digunakan oleh premis perniagaan tetap di kawa-

san berkenaan.

"Pelanjutan waktu operasi dikhuatiri akan menyebabkan gangguan terhadap aktiviti perniagaan tetap serta menghalang laluan orang awam.

"Bagi memastikan operasi bazar berjalan dengan lancar dan mematuhi peraturan yang ditetapkan, DBKL menempatkan petugas serta khemah kawalan di lokasi sepanjang tempoh bazar berlangsung serta kekal komited memastikan pengurusan bazar lebih teratur serta tidak menjejaskan aktiviti perniagaan di sekitarnya," katanya.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan peniaga Bazar Aidilfitri dan Bazar Lorong Haji Taib di sini mendakwa terjejas teruk berikutan kurang pengunjung, malah hanya 19 peniaga yang menjalankan perniagaan berbanding 150 tapak yang disewa.

“
Bazar ini beroperasi dari jam 10 pagi hingga 12 tengah malam DBKL

